

13 AUG 2002

Ukraine-Lawatan/I

NAIB PERDANA MENTERI PERTAMA UKRAINE LAWAT MALAYSIA MULAI AHAD

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Naib Perdana Menteri Pertama Ukraine, Oleh Dubyna akan melawat Malaysia selama tiga hari mulai Ahad ini.

Kuasa usaha Kedutaan Ukraine, Valentyn Velychko berkata lawatan itu adalah lawatan rasmi pertama pemimpin Ukraine sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik pada Mac 1992.

Semasa lawatan tiga hari itu, Dubyna akan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami menjangkakan bahawa pelbagai soalan akan dibangkitkan semasa perbincangan dan rundingan ini," kata Velychko kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Velychko yang baru dua bulan berada di Malaysia, berkata kerajaan Ukraine menganggap Malaysia sebagai negara yang prospektif dan rakan penting untuk menjalin hubungan dua hala dalam politik, ekonomi, perdagangan, teknologi termasuk teknologi tinggi, pendidikan dan budaya.

"Bagi memudahkan hubungan antara Ukraine dan Malaysia, kerajaan Ukraine memutuskan untuk menghantar satu delegasi kerajaan ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata bekas negara Kesatuan Soviet itu yang mencapai kemerdekaan pada 1991, mengetahui mengenai kejayaan Malaysia dalam pembangunan dan ekonomi, kestabilan politik dan kemakmurannya.

"Malaysia memainkan peranan penting dalam institusi di rantau ini seperti Asean, APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik). Dr Mahathir sangat terkenal di Ukraine... beliau adalah pemimpin agung," katanya yang menyuarakan rasa kagumnya terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Semasa lawatan itu, Velychko berkata Dubyna juga akan menemui menteri-menteri kabinet seperti Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pengangkutan Transport Minister Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Satu perjanjian perdagangan kerajaan dengan kerajaan dijangka ditandatangani oleh kedua-dua negara.

Dubyna juga dijadual merasmikan Kedutaan Ukraine di Jalan Tun Razak.

"Pembukaan Kedutaan Ukraine di Malaysia merupakan inisiatif penting oleh kerajaan Ukraine kerana ia akan memastikan interaksi antara pegawai kerajaan dan agensinya serta orang ramai, terjalin.

"Kedutaan akan memberikan perkhidmatan terbaik sama ada untuk urusan rasmi atau tidak rasmi. Kami mahu menjadikan kedutaan sebagai pintu untuk Malaysia ke Ukraine... sebagai jambatan diplomatik antara kedua-dua negara," kata Velychko.

Mengenai hubungan perdagangan antara Malaysia dan Ukraine, beliau berkata ia semakin meningkat dan tahun lepas jumlahnya kira-kira US\$80 juta.

"Ia tidak mencukupi kerana kami mempunyai peluang untuk meningkatkan jumlah (perdagangan) dua hala. Perdagangan sebenar antara Ukraine dan Malaysia sangat kecil dengan kebanyakan interaksi dan transaksi perdagangan dijalankan melalui orang tengah dari Singapura dan Hong Kong atau negara-negara Eropah seperti United Kingdom," katanya.

Ukraine yang terletak di Eropah Timur dan bersempadan dengan Belarus, Hungary, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovakia, terkenal dengan industri berat, pembinaan kapal terbang, mesin industri dan produk pertanian.

"Lawatan ini baik untuk pengeksport Malaysia menjalin hubungan terus dan berkongsi pasaran elektronik Ukraine, supaya, kami boleh mendapat caj minimum untuk meningkatkan persaingan," katanya.

Negara maritim itu dengan bilangan penduduk seramai 50 juta orang, mempelawa para pelabur Malaysia menyertai aktiviti ekonomi negara seperti industri pelancongan dan hospitiliti, pengilangan dan menggunakan negara itu sebagai pusat eskport Malaysia ke negara-negara Eropah Timur.

Dalam sektor pendidikan, Velychko berkata Ukraine, yang terkenal dalam bidang perubatan, farmaseutikal dan pembedahan, menawarkan tempat untuk pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran kepakaran dan pilihan lain seperti angkasa lepas, pembinaan kapal, elektronik dan komunikasi.

Pada masa ini, kira-kira 200 penuntut Malaysia melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan farmaseutikal yang dijalankan dalam bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

HS AHH LAT